

Penyediaan untuk Ujian Pemantauan ECG Ambulatori 24 jam

Pada hari ujian, mandi sebelum datang ke Makmal Jantung Bukan Invasif kami dengan berpakaian longgar. Golongan wanita dinasihat agar berpakaian dua helai dan dengan pakaian skirt/seluar.

Apakah Risiko yang Mungkin?

Tiada kesan sampingan utama yang dikaitkan dengan ujian ini. Namun begitu, sesetengah orang mungkin terasa gatal dan terdapat ruam di tempat elektrod dilekatkan. Sila beritahu ahli teknologi jantung atau doktor anda sekiranya anda mengalami masalah-masalah ini.

Bilakah Boleh Saya Tahu Keputusannya?

Keputusan dan langkah rawatan anda yang seterusnya akan dibincangkan bersama doktor anda pada temu janji klinik pesakit luar yang akan datang.

TINGKAT 3 PUSAT PERUBATAN TTSH

- Pusat Jantung
- Klinik 3A (Kardiologi, Perkhidmatan Ambulatori Jantung, Gim Rehabilitasi Jantung)
- Klinik 3B (Atrium Jantung, Pusat Pengimejan Jantung)

TINGKAT 3 BLOK KECEMASAN (A&E)

- Makmal Jantung Invasif

NOMBOR TELEFON:


6537 7000 (Semua Temu Janji)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <https://www.ttsh.com.sg/Patients-and-Visitors/Medical-Services/Cardiology/Pages/default.aspx>

Jabatan
KARDIOLOGI

Pemantauan ECG Ambulatori 24 jam




Apakah Ujian Pemantauan ECG Ambulatori 24 jam?


Elektrokardiogram (ECG) merupakan rekod kegiatan elektrik jantung. Ujian pemantauan ECG ambulatori 24 jam, juga dikenali sebagai ujian pemantauan Holter, mencatatkan degupan jantung sepanjang hari sehingga sebanyak 100,000 degupan jantung direkodkan oleh alat rekod yang dipakai oleh pesakit. Sebaliknya, ECG rutin merekodkan degupan jantung anda dalam tempoh 10 saat. Rekod-rekod ECG ini kemudiannya dianalisis untuk mencari sebarang keabnormalan dalam irama dan kadar jantung.

Mengapakah Saya Perlukan Ujian Ini?

Pemantauan yang berpanjangan sesuai untuk mengesan keabnormalan sekejap-kejap irama jantung. Secara khususnya, ia mengkaji kesan kegiatan yang berbeza terhadap irama jantung pada pelbagai waktu dalam sehari atau mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang tingkah laku jantung.



Kelengkapan pemantauan yang digunakan termasuk elektrod, peranti pemantauan kecil dan kabel.



Pemasangan tipikal kelengkapan pemantauan

Ia boleh digunakan untuk memeriksa sama ada irama atau kadar jantung yang tidak normal merupakan punca simptom seperti pening, keletihan, palpitasi, sesak nafas, sakit dada atau pengsan. Dengan ini, rawatan yang betul dapat diberikan.

Apakah yang Perlu Saya Jangkakan untuk Ujian ini?

1. Beberapa elektrod akan dilekatkan pada dada anda dan disambungkan ke alat rekod mudah alih yang biasanya dipakai di pinggang selama 24 jam. Untuk memastikan rekod yang jelas diperolehi, bulu badan di tempat elektrod diletakkan mungkin dicukur. Pemasangan kelengkapan ujian biasanya mengambil masa 20 hingga 30 minit di Makmal Jantung Bukan Invasif.

2. Disebabkan prosedur ini dijalankan secara pesakit luar selepas alat rekod dipasang, anda boleh meninggalkan hospital dan meneruskan kegiatan biasa anda, kecuali mandi, berenang atau kegiatan yang mungkin membasahkan kelengkapan. Kegiatan-kegiatan ini mungkin menyebabkan elektrod tertanggal atau merosakkan alat rekod.
3. Doktor anda mungkin meminta anda melakukan kegiatan yang telah mencetuskan simptom anda sebelum ini.
4. Ahli teknologi jantung yang memasang alat rekod anda akan memberi anda buku harian untuk mencatatkan kegiatan anda dan sebarang simptom yang mungkin anda alami semasa ujian. Tafsiran tepat berkenaan rekod ECG anda bergantung pada catatan terperinci dalam buku harian anda. Ia berguna untuk mengetahui ECG anda apabila simptom muncul.
5. Apabila anda kembali ke hospital pada hari yang berikutnya, alat rekod akan dialihkan dan data akan dipindahkan ke komputer untuk analisis.